

Program Insentif Rawatan  
Tibi yang menelan  
belanja RM624,800  
berjaya memberi manfaat  
kepada 781 individu  
pada tahun lalu

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

## SHAH ALAM


**S**elangor mencatatkan se-  
banyak 4,307 kes jangkitan  
penyakit batuk kering (tibi)  
tahun lalu.

Exco Kesihatan Awam,  
Perpaduan serta Pembangunan Wa-  
nita dan Keluarga Selangor, Dr Siti  
Mariah Mahmud berkata, daripada  
jumlah itu, sebanyak 597 kes kema-  
tian dicatatkan pada tahun sebelu-  
nya dengan jumlah individu terhenti  
rawatan sebanyak 598 kes.

Katanya, kerajaan negeri  
Selangor akan terus membantu me-  
nangani dan mengawal jangkitan  
penyakit tibi di negeri ini dengan  
memperkenalkan Program Insentif  
Rawatan Tibi iaitu pemberian bantuan  
keuangan RM800 kepada individu  
yang telah dijangkiti  
penyakit tersebut pada tahun 2020.

"Pemberian in-  
sentif ini bertujuan  
menggalakkan pesakit untuk menyempurnakan rawatan di samping

# Selangor catat 4,307 kes tibi



Tibi adalah sejenis penyakit berjangkit disebabkan oleh bakteria *Mycobacterium tuberculosis* (MTB) yang lazimnya menyerang paru-paru.

membantu menampung kos perjalanan pesakit tibi yang berulang-alik ke hospital atau klinik untuk mendapatkan rawatan," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Tibi adalah sejenis penyakit berjangkit disebabkan oleh bakteria *Mycobacterium tuberculosis* (MTB) yang lazimnya menyerang paru-paru.

Menurut Siti Mariah, Program Insentif Rawatan Tibi yang menelan belanja sebanyak RM624,800 telah berjaya memberi manfaat kepada 781 individu pada tahun lalu.

"Tahun ini, melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam Negeri Selangor akan meneruskan Program

Insentif Rawatan Tibi yang bakal memberikan manfaat kepada 1,000 rakyat di negeri ini," katanya.

Tambah Siti Mariah, kerajaan Selangor terus mempergiatkan usaha menyampaikan maklumat mengenai Program Insentif Rawatan melalui program promosi yang pelbagai melalui platform digital dan menerusi aktiviti dilaksanakan oleh Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (SUKA).

Maklumat lanjut berkenaan Program Rawatan Insentif Tibi boleh didapati menerusi laman sesawang <https://www.selangorprihatin.com/insentifrawatantibi>.



SITI MARIAH